

Buka takrifan lebih luas bidang kuasa mahkamah syariah

# Pinda perlembagaan elak pertikaian

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan berhubung hal ehwal Islam wajar dipinda dengan membuka takrifan lebih meluas terhadap bidang kuasa mahkamah syariah sekali gus dapat mengelakkan pertindihan antara perundangan syariah dan sivil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar perlembagaan, **Datuk Salleh Buang** menjelaskan, pindaan Perlembagaan Persekutuan merupakan jalan penyelesaian kemelut pertikaian kedua-dua undang-undang itu memandangkan Jadual Kesembilan kini terlalu sempit sehingga membataskan bidang kuasa mahkamah syariah dan membuka ruang ia dicabar.

Katanya, ekoran keputusan Mahkamah Persekutuan



**SALLEH BUANG**

yang sebulat suara membenarkan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 berkaitan kesalahan hukum tabii dicabar telah memperlihatkan terdapat kelompongan undang-undang syariah negara ini.

Beliau mengambil contoh, terdapat empat seksyen dalam Enakmen Jenayah Syariah (Se-

langor) 1995 bertindih dengan perundangan sivil iaitu Seksyen 17 (berjudi), Seksyen 27 (hubungan jenis dengan sama jantina), Seksyen 28 (persetubuhan bertentangan hukum tabii) dan Seksyen 38 (penyalahgunaan tanda halal).

"Kalau ikutkan keputusan Mahkamah Persekutuan yang baharu ini, semua seksyen dalam enakmen jenayah syariah seluruh negeri boleh dicabar. Tetapi setakat ini hanya membatitkan negeri Selangor sahaja.

"Hal ini kerana mengikut hierarki, undang-undang negeri tidak boleh menyalahi undang-undang Persekutuan apatah lagi berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Pada 25 Februari lalu, Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan mencabar undang-undang oleh seorang lelaki, Iki Putra Mubarak terhadap

Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 sekali gus mengetepikan perundangan itu yang menetapkan seks luar tabii sebagai jenayah syariah.

Iki Putra didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah pada 21 Ogos 2019 atas tuduhan meliwat di Bangi, Selangor.

Dia mencabar peruntukan Seksyen 28 itu dengan mendakwa negeri atau mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal dan membiarkan kes jenayah liwat.

Salleh juga membangkitkan persoalan sama ada seluruh ahli Parlimen senada untuk menyokong rang undang-undang pindaan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam kalangan wakil rakyat beragama Islam.

"Masalahnya kita tidak pernah cuba untuk pinda Jadual Kesembilan. Kita tidak boleh diper-

salahkan jika gagal, namun boleh dipersalahkan sekiranya tidak pernah mencuba," tegasnya.

Katanya, kerajaan negeri justeru itu perlu melakukan kajian untuk menyelamatkan Enakmen Jenayah Syariah masing-masing daripada terus dicabar dan akhirnya diketepikan.

Pensyarah Kuliah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, **Prof. Madya Dr. Khairil Azmin Mokhtar** berkata, masalah pertindihan perundangan syariah dan sivil boleh ditangani sekiranya isu berkaitan diselesaikan lebih awal di peringkat Jabatan Peguam Negara.

Katanya, Jabatan Peguam Negara sudah pun mempunyai Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang yang menangani isu berkaitan dengan undang-undang syariah yang berbangkit.